

PERUTUSAN YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2016

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan sambutan yang buat julung kalinya diadakan pada tahun ini. HASN merupakan satu penjenamaan semula yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar daripada penganjuran Hari Alam Sekitar Malaysia dan Minggu Alam Sekitar Malaysia pada tahun-tahun sebelum ini.

Penjenamaan semula ini adalah sebagai satu langkah pembaharuan dan transformasi kearah meningkatkan rasa kecintaan kepada alam sekitar di setiap lapisan masyarakat. Penjenamaan semula ini juga adalah bertujuan supaya masyarakat dapat menjawai rasa kecintaan yang tinggi terhadap alam sekitar apabila ianya dikenali sebagai 'Hari Alam Sekitar Negara'.

Satu tema telah dipilih bagi memberi impak yang signifikan dalam penganjuran HASN pada tahun ini. Tema HASN yang telah ditetapkan ialah "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama". Tema ini dipilih bertujuan untuk menanamkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan seluruh rakyat Malaysia. Tema ini bertepatan dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan perkongsian tanggungjawab ke atas alam sekitar tidak hanya disandarkan kepada Kerajaan malahan juga kepada masyarakat



Bersesuaian dengan tema HASN iaitu "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama", justeru Kerajaan menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menyeru masyarakat untuk sentiasa bertanggungjawab atas sebarang tindakan terhadap alam sekitar terutamanya untuk tidak melakukan sebarang pencemaran alam sekitar.

Bersama-sama lah kita berganding bahu bagi memastikan alam sekitar terus dipelihara dengan sebaik-baiknya sebagai warisan kita kepada generasi akan datang. Sokongan yang padu dari setiap golongan masyarakat akan menjadikan usaha-usaha Kerajaan dalam menangani isu alam sekitar akan lebih berkesan.

"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar



**PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2016**

Selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara yang telah digubal pada 2002 iaitu mendukung elemen meningkatkan kualiti hidup dan alam sekitar, memastikan pembangunan yang lestari serta kemajuan ekonomi, sosial dan kebudayaan; maka Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan menerusi agensi-agensi di bawahnya sentiasa memastikan negara merealisasikan Wawasan dan Visinya ke arah pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar secara berkekalan.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha yang dapat memperkasakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli menerusi fungsi-fungsi bidang peranannya. Ini termasuklah penyemakan semula Dasar Alam Sekitar Negara, perundangan dan akta sedia ada bagi memantapkan lagi penguatkuasaan undang-undang serta transformasi program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar yang memberi impak kesedaran tinggi kepada masyarakat.



Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2016 yang membawa tema "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama", Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berharap masyarakat Malaysia bersama-sama menggalas tanggungjawab untuk memelihara dan memulihara alam sekitar dan tidak meletakkan tanggungjawab tersebut kepada Kerajaan semata-mata.

Peranan dan tindakan masyarakat walau sekecil manapun adalah sangat penting dalam menyumbang terhadap tahap kualiti alam sekitar. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk menjaga alam sekitar ini demi generasi akan datang.

"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

Dato' Sri Azizan bin Ahmad
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar



PERUTUSAN KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2016

Hari Alam Sekitar Negara yang dahulunya dikenali sebagai Hari Alam Sekitar Malaysia disambut pada 21 Oktober setiap tahun pada tahun-tahun sebelum ini. Hari Alam Sekitar Negara merupakan sambutan yang buat julung kalinya diadakan pada tahun ini membawa tema "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan pelbagai usaha ke arah menyemai sikap tanggungjawab masyarakat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Selain daripada menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, JAS telah melaksanakan program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar, program Memorandum Persefahamanan Rakan Strategik Alam Sekitar dan Program Rakan Alam Sekitar.

Program Memorandum Persefahamanan Rakan Strategik Alam Sekitar telah disertai oleh 342 organisasi yang menandatangani Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Dalam Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar dengan Jabatan Alam Sekitar. Sehingga kini, Program Rakan Alam Sekitar telah mempunyai keahlian lebih 261,000 orang.

JAS juga telah menggerak langkah lebih proaktif melaksanakan Program Pengumpulan Bahan Buangan Elektrik dan Elektronik Isi Rumah (e-Waste). Tujuan program ini bagi menggalakkan lagi penyertaan masyarakat dalam usaha ke arah pengumpulan dan pelupusan buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) dari rumah secara lebih selamat dan yang sempurna. Konsep pengumpulan 'e-Waste' yang diperkenalkan ini adalah berprinsipkan *cradle to cradle* iaitu bahan buangan tersebut berpotensi diguna semula.

Bagi mengarusperdanakan pengurusan alam sekitar maka transformasi terkini dan halatuju dalam pematuhan dan penguatkuasaan perundungan adalah berobjektifkan Kawalan Pematuhan Kendiri atau *Guided Self-Regulation* iaitu komplemen utama kepada pematuhan perundungan era *Command and Control*. Menerusi pendekatan ini, peranan utama Jabatan Alam Sekitar adalah meningkatkan kesedaran dan memudahcarakan komuniti berkepentingan atau *stakeholder* supaya berkeprihatinan yang tinggi bersama menjaga alam sekitar kita tanpa mengabaikan perundungan yang sedia ada. Tanggungjawab memikul masalah pencemaran alam sekitar akan diletakkan sepenuhnya di bahu *stakeholder* dengan peranan Jabatan sebagai memandu, menasihat dan memudahcarakan. Bagi maksud ini, Jabatan dalam peringkat akhir membuat semakan perundungan dengan penjenamaan semula Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Program transformasi yang sedang diusahakan untuk kebaikan Jabatan dan Negara berteraskan ilmu (*technical knowledge transformation initiative*). Program transformasi JAS ini yang berasaskan teknikal inisiatif yang akan meletakkan JAS ke satu tahap yang baru dan mengubah JAS sebagai Jabatan teknikal yang dihormati dan disegani.

Harapan kita semua ialah supaya rakyat akan terus merasai bersama suasana kelestarian alam sekitar di bumi yang didiami ini, khususnya negara kita Malaysia dengan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

